

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 3 FEBRUARI 2015 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Cuaca panas dijangka awal Jun	Utusan Malaysia
2	Masyarakat masih fobia penggunaan nuklear	Berita Harian
3	Letakkan agensi keselamatan siber dibawah satu kementerian	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 3 FEBRUARI 2015 (SELASA)

Cuaca panas dijangka awal Jun

KUALA LUMPUR 2 Feb.

- Jabatan Meteorologi menjangkakan negara mengalami cuaca panas bermula pertengahan tahun ini.

Menurut jurucakap jabatan berkenaan, bagaimanapun berdasarkan rekod awal bulan lalu, kemungkinan negara mengalami fenomena El Nino adalah amat kecil.

"Tiupan angin monsun barat daya yang bermula pertengahan Mac akan menyaksikan negara mengalami cuaca panas serta pengurangan jumlah taburan hujan bermula awal Jun," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Institut Kajian Bencana Asia Tenggara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Joy Jacqueline Pereira berkata, berdasarkan ramalan berkenaan, beliau tidak menolak jangkakan negara bakal mengalami cuaca panas ekstrem.

"Hasil kajian Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim (IPCC) menunjukkan iklim di negara tropika sekarang menyaksikan banyak negara mengalami hujan lebat dan cuaca panas ekstrem.

"Malah berpandukan kajian juga membuktikan masalah bekalan air di negara ini ketika cuaca panas dapat diatasi sekiranya tahap pengurusan air bersepadu diperbaiki dan dinaik taraf secara menyeluruh," jelasnya.

Tahun lalu, negara dilanda cuaca panas melampau dan kering sehingga mengakibatkan gangguan bekalan air di beberapa negeri.

Catuan air juga terpaksa dilakukan berikutan penurunan paras air di kebanyakan empangan di seluruh negara akibat cuaca panas berpanjangan yang melanda.

Kebanyakan rakyat terkesan dengan cuaca panas melampau tersebut sehingga mengambil pelbagai inisiatif termasuk menganjurkan solat hajat memohon hujan di seluruh negara.

Masyarakat masih fobia penggunaan tenaga nuklear



MONA AHMAD

mona@bh.com.my

Perlu mengambil pil setiap hari bagi mengelakkan radiasi jika bekerja dalam industri nuklear. Benarkan jika bekerja dalam industri nuklear mudah terdedah dengan radiasi sehingga boleh menyebabkan mandul atau mudah diserang penyakit kanser?

Inilah antara persoalan yang sering berlegar di minda setiap kali disebut mengenai nuklear, ditambah pula dengan cerita dan miskonsepsi mengenai tragedi letupan loji nuklear Chernobyl di Soviet Union, 30 tahun lalu yang tersebar dalam media sosial yang memaparkan cerita negatif mengenai nuklear.

Sumber tenaga rendah karbon
Benarlah kata pepatah, tak kenal maka tak cinta. Begitu juga dengan nuklear. Hakikatnya, tenaga nuklear adalah sumber tenaga yang rendah karbon dan menjimatkan serta selamat digunakan.

Ketua Bahagian Projek Khas dan Komunikasi, Perbadanan Tenaga Atom Negara Russia (ROSATOM), Anna Trapeznikova, berkata selepas tragedi Chernobyl, generasi muda di Russia lebih berminat kepada sains dan teknologi. Tidak dinafikan, masih ada golongan warga tua yang skeptikal mengenai tenaga nuklear kerana bimbang tragedi berulang, tetapi ini kerana mereka tidak diberi maklumat tepat.

"Kadangkala saya dita-

Beri penerangan guna bahasa mudah mengenai kepentingan industri kepada negara

nya oleh orang tua mengenai bahaya nuklear. Mereka tidak tahu kerana tiada maklumat. Sebenarnya penerangan maklumat juga perlu menggunakan bahasa yang mudah bukannya bahasa sains yang tinggi sehingga tidak difahami. Kita perlu terangkan tenaga nuklear ini adalah proses semula jadi. Telaga minyak dan ada pantai di beberapa negara mempunyai tahap radiasi yang lebih tinggi berbanding pendedahan terhadap tenaga nuklear.

"Masalah yang sering dihadapi adalah menyalurkan maklumat kepada golongan berpendidikan rendah dan orang kampung yang masih bimbang dan khuatir dengan apa yang berlaku di Chernobyl, 30 tahun lalu," katanya ketika ditemui sempena Persidangan Tenaga Nuklear Asia Ke-6 anjuran Pertubuhan Nuklear Sedunia di ibu negara, baru-baru ini.

Trapeznikova turut meluahkan kekecewaan berikutan banyak

"Kita perlu melihat sumber tenaga lain terutama yang rendah karbon seperti nuklear. Berbanding sumber tenaga rendah karbon lain seperti angin, solar dan biomas, nuklear satu-satunya yang based load (sentiasa ada)"

Dr Muhd Noor Muhd Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi, Agensi Nuklear Malaysia



Industri nuklear masih asing di Malaysia. (GAMBAR HIASAN)

maklumat yang tidak betul disebarkan dalam media sosial menyebabkan orang ramai masih memandangkan negatif terhadap tenaga nuklear.

Secara keseluruhan, katanya, keyakinan masyarakat negara itu terhadap industri nuklear yang mampu memberikan manfaat terutama dalam bidang perubatan dan tenaga lebih tinggi berbanding mereka yang mahu loji nuklear ditutup.

Projek Nuckids tingkat kesedaran tenaga nuklear

Katanya, dalam usaha membantu kesedaran mengenai nuklear, pihak ROSATOM mewujudkan projek Nuckids yang dimulakan sejak tujuh tahun lalu dengan memilih pelajar dari 20 bandar nuklear di Russia termasuk Sosnovy Bgr, Kurchatov, Novovoronzk dan Kolskaya bagi mencungkil bakat dan melatih mereka dalam bidang sains.

Mereka yang juga anak kepada pekerja industri nuklear berusia 11 hingga 16 tahun, dibawa ke kem musim panas dan dilatih mengikut bakat termasuk dalam bidang lakonan, nyanyian

dan tarian. Lebih membanggakan, kumpulan pelajar yang dilatih ini pernah mengadakan persembahan di pentas teater terkemuka di St Petersburg.

"Kita berharap dengan cara ini kita dapat mencungkil bakat pelajar ini dan menjadikan mereka superstar. Kita memerlukan superstar untuk menjadi jurucakap bagi kempen kesedaran mengenai nuklear kerana tentunya pengikutnya ramai," katanya.

Bukan itu sahaja, ROSATOM turut mengadakan program pertukaran pelajar luar negara yang diambil dari bandar nuklear di negara seperti India, Ukraine, Belarus, Turki dan Perancis bagi tujuan sama.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi, Agensi Nuklear Malaysia, Dr Muhd Noor Muhd Yunus, berkata cadangan membina loji nuklear di negara ini masih pada peringkat kajian orang ramai.

Difahamkan, kajian tidak rasmi yang menyokong nuklear sebanyak 70 peratus, bagaimanapun



SAMBUNGAN...
BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 31
TARIKH: 3 FEBRUARI 2015 (SELASA)



“
Selepas tragedi Chernobyl, generasi muda di Russia lebih berminat kepada sains dan teknologi. Tidak dinafikan orang tua yang skeptikal mengenai tenaga nuklear kerana bimbang tragedi berulang”

Anna Trapeznikova,
Ketua Bahagian Projek Khas dan Komunikasi, Perbadanan Tenaga Atom Negara Russia

selepas kejadian kemusnahan Loji Nuklear Fukushima Daichi, Jepun akibat tsunami pada tahun 2011, sokongan terhadap pembinaan loji itu menurun sehingga 48 peratus.

Rakyat Malaysia tak harus jumud

“Pendapat peribadi saya, rakyat Malaysia tidak seharusnya jumud mengenai teknologi penjanaan elektrik. Kita perlu melihat sumber tenaga lain terutama yang rendah karbon seperti nuklear. Berbanding sumber tenaga rendah karbon lain seperti angin, solar dan biomas, nuklear satu-satunya yang based load (sentiasa ada). Jika tenaga solar perlu menunggu matahari, manakala angin pula kadangkala bermusim,” katanya.

Kepelbagaian sumber tenaga perlu bagi sesebuah negara supaya kebergantungan terhadap satu atau dua sahaja sumber, bagi mengelakkan kekurangan bekalan atau dari segi keselamatan tenaga yang tidak terjamin. Umama rumah tangga, tidak boleh hanya bergantung kepada satu sumber ekonomi sahaja.



Generasi muda perlu diberi galakan **menceburi industri tenaga nuklear.**

[GAMBAR ILLUSARI]

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 3 FEBRUARI 2015 (SELASA)

Letakkan agensi keselamatan siber di bawah satu kementerian

KEMAMAN 2Feb. - Agensi berkaitan keselamatan siber perlu diletakkan di bawah satu kementerian bagi memudahkan pelarasan tugas secara menyeluruh dalam menangani ancaman jenayah siber, kata Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Beliau berkata, langkah proaktif dan koordinasi yang tepat dan menyeluruh perlu diambil bagi memastikan ancaman siber dapat dibanteras dengan lebih berkesan.

Menurutnya, isu menangani ancaman siber dan soal keselamatan siber kini dikendalikan di bawah dua kementerian berlainan iaitu CyberSecurity Malaysia (CSM) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

"Aspek keselamatan dan jenayah siber sekarang ini tak boleh dilihat hanya satu cabang dalam sesuatu kementerian sahaja tetapi harus dilihat secara menyeluruh," katanya kepada pemberita selepas



Aspek keselamatan dan jenayah siber sekarang ini tak boleh dilihat hanya satu cabang dalam sesuatu kementerian sahaja tetapi harus dilihat secara menyeluruh."

AHMAD SHABERY CHEEK
Menteri Komunikasi dan Multimedia

menziarahi keluarga arwah atlet pecut paralimpik negara, Mohammad Azlan Mat Lazin, di sini hari ini.

Beliau berkata, cabaran berkaitan soal keselamatan dan jenayah siber bukan hanya berlaku di Malaysia malah kebanyakan negara di dunia turut mengalami cabaran berkenaan.

Allahyarham Mohammad Azlan, yang merupakan pemenang tiga pingat emas pada Sukan Para Asia 2014 di Incheon, Korea Selatan dan penerima Anugerah Maulidur Rasul tahun ini, meninggal dunia selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya di Serdang Raya, Kuala Lumpur, pada 24 Januari lepas.

Ahmad Shabery, yang juga Ahli Parlimen Kemaman, turut menyampaikan sumbangan peribadi kepada ayah Allahyarham, Mat Lazin Ali, 52.

Beliau berkata, pemergian atlet pecut paralimpik itu dianggap sebagai kehilangan permata yang berharga bagi daerah Kemaman dan negeri Terengganu khususnya.

"Saya akan cuba membantu keluarga arwah untuk menguruskan hajat Allahyarham untuk membawa ibu dan bapanya menunaikan haji. Selain itu, saya akan berbincang dengan Pejabat Daerah dan pihak berkuasa berkaitan mencari tanah kerajaan untuk membina sebuah rumah yang mana ianya merupakan hajat Allahyarham... Insya-Allah kita akan uruskan hal ini," katanya. - BERNAMA